

Buniyamin beri keterangan 4 jam kepada polis

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN
14 AGOS 2002

KOTA BHARU 20 Ogos Polis hari ini merakamkan percakapan bekas ahli Parlimen Rachok, Buniyamin @ Yamin Yaakob berhubung kenyataannya yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya setelah beliau hadir ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, di sini.

Buniyamin, 56, memberi keterangan selama empat jam bermula pukul 11 pagi kepada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Daerah, Deputy Supritendan Haniffa Abd. Kader yang bertindak sebagai pegawai perekam.

Beliau hadir ke IPK dengan diiringi oleh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Takiyuddin Hassan yang bertindak sebagai penasihat undang-undang Pas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Asisten Komisioner Abdul Rahim Jani berkata, kejayaan polis memperoleh kenyataan daripada Buniyamin dijangka dapat melengkapkan proses siasatan.

"Kes ini akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya untuk tindakan lanjut sekiranya ada bukti yang boleh didakwa dan kita akan mempercepatkan tindakan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut beliau, siasatan kes dilakukan mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948, yang jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM5,000 atau penjara

maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Kcs tersebut semakin menarik perhatian selepas pihak polis pada 14 Ogos lalu meminta kerjasama media untuk mengesan Buniyamin bagi membantu siasatan berhubung kenyataannya yang dikatakan berunsur fitnah kerana mendakwa Dr. Mahathir mrnonton video lucu bersama cucunya.

Bagaimanapun Buniyamin yang juga Pegawai Penerangan Pas Kelantan tidak dapat dihubungi selepas pihak polis gagal mengesan beliau di dua alamat rumahnya di Kampung Keting, Gunung dan Cabang Tiga, Teratak Pulaui, Bachok.

■ Lihat muka 4

Buniyamin beri keterangan 4 jam kepada polis

Lebih 20 saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan termasuk wartawan-wartawan akhbar dan kakitangan sebuah stesen televisyen tempatan.

RTM menyiarkan melalui slot Berita Perdana TV1 pada 26 hingga 29 Julai mengenai dakwaan Buniyamin kononnya Dr. Mahathir menonton video lucu bersama cucunya di rumah.

Tiga laporan polis dibuat di Pengkalan Chepa, di sini, Kuala Terengganu dan Baling di Kedah berhubung kenyataan Buniyamin di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di sini pada 15 Mac lalu.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum ini turut menasihatkan Buniyamin supaya tampil memberikan kerjasama kepada pihak polis dan tidak menyembunyikan diri.

Sementara itu, Takiyuddin ketika ditemui pemberita berkata, Buniyamin sebenarnya tidak pernah menghilangkan diri seperti yang didakwa sebaliknya terpaksa menjalani rawatan hemodialisis di Hospital Kota Bharu dua kali seminggu.

"Terdapat salah faham antara polis dan Buniyamin kerana beliau tidak tahu bahawa dirinya dikehendaki hadir ke IPK, jadi selepas tahu kita buat temujanji dan pergi hantarlah," katanya.